



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN BERI PELUANG KEJAYAAN KEPADA MASYARAKAT

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa menyokong usaha memartabatkan sektor pendidikan tinggi negara dengan melaksanakan pelbagai insentif dan inisiatif program berimpak tinggi yang bersepadu bagi membantu para pelajar khususnya dan masyarakat amnya.
2. PTPTN berperanan dalam menyumbang kepada modal insan negara dan ternyata sumbangan PTPTN cukup besar kepada masyarakat. Sehingga 30 November 2022, PTPTN telah membantu seramai 3.77 juta pelajar untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi dengan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan sebanyak RM68.22 bilion. PTPTN turut membantu pelajar baharu membuat persediaan awal untuk mendaftar masuk ke IPTA dan Politeknik melalui pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP). Semenjak 1999 hingga November 2022, seramai 960,882 pelajar telah menerima manfaat ini dengan peruntukan berjumlah RM1.42 bilion.
3. Keprihatinan Kerajaan dalam mengiktiraf pencapaian cemerlang pelajar di IPTA dan IPTS melalui insentif pengecualian bayaran balik kepada peminjam PTPTN yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama terus dilaksanakan pada tahun 2022. Insentif ini telah ditambahbaik dengan kelayakan insentif pengecualian bayaran balik kepada semua peminjam PTPTN yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama berbanding sebelumnya hanya terhad kepada peminjam daripada golongan B40 dan M40 sahaja. Sehingga 30 November 2022, seramai 90,485 orang peminjam telah diluluskan pengecualian bayaran balik pinjaman, melibatkan pelupusan pinjaman sebanyak RM2.32 bilion.
4. Sebagai langkah proaktif bagi mengurangkan kebergantungan pelajar kepada pinjaman pendidikan, seterusnya mengurangkan bebanan bayaran balik pinjaman pada masa hadapan, PTPTN menyediakan instrumen simpanan bagi tujuan pendidikan tinggi yang dikenali sebagai Simpan SSPN. Semenjak diperkenalkan tahun 2004 hingga November 2022, jumlah simpanan yang diterima adalah sebanyak RM13.38 bilion dengan bilangan akaun baharu berjumlah 5.68 juta. Manakala, bagi tempoh 1 Januari sehingga 30 November 2022, sebanyak 433,774 akaun baharu Simpan SSPN telah dibuka, manakala jumlah keseluruhan simpanan yang diterima adalah sebanyak RM2.5 bilion.

5. Sepanjang tahun 2022 juga menyaksikan kejayaan PTPTN memperkenalkan beberapa program dan inisiatif baharu untuk kebaikan dan manfaat seluruh lapisan masyarakat. Selaras dengan era pendigitalan, PTPTN telah melancarkan *mobile app* iaitu myPTPTN untuk menambah baik dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Kemudahan myPTPTN ini akan memanfaatkan 3.77 juta peminjam dan 5.68 juta pendeposit Simpan SSPN. PTPTN juga telah memperkenalkan Kelab Simpanan Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertujuan untuk meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan kanak-kanak di samping memupuk kesedaran kepentingan menabung demi masa depan mereka melalui Simpan SSPN.

6. PTPTN turut melaksanakan pelbagai program *outreach* bagi mendekati para pelajar untuk terus menyebarkan dan meningkatkan imej positif. PTPTN telah menganjurkan program bersama pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Program Literasi Kewangan dan Persediaan Kerjaya (FLICK) yang merupakan antara komitmen PTPTN dalam menunaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi menyumbang kepada kebolehpasaran graduan berkualiti.

7. Prihatin mengenai kebajikan para pelajar khususnya peminjam PTPTN, program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin turut diadakan untuk menyalurkan bantuan sara hidup kepada pelajar yang kurang berkemampuan sekali gus meringankan beban kewangan pelajar. Melalui program ini, PTPTN telah memperuntukkan sebanyak RM142,000.00 kepada 284 pelajar IPT seluruh negara yang merupakan peminjam PTPTN daripada golongan yang kurang berkemampuan dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dan IPT terlibat. Setiap pelajar yang layak menerima bantuan sebanyak RM500.00 secara *one off* dan disalurkan ke dalam akaun bank pelajar.

8. Program Kembara Keluarga Simpan SSPN Tahun 2022 pula merupakan satu lagi program CSR PTPTN bertujuan untuk membantu pelajar asnaf dari aspek pendidikan serta galakan awal memulakan penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak. Program yang melibatkan sumbangan zakat PTPTN kepada 17,800 orang pelajar asnaf di 178 kawasan terpilih yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan pemimpin setempat melibatkan sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.78 juta.

9. Pencapaian dan kejayaan PTPTN ini terbukti dengan pelbagai insentif dan inisiatif bersepadu yang telah dilaksanakan. Melangkah ke hadapan tahun 2023, PTPTN telah menyusun beberapa inisiatif lain yang lebih berimpak tinggi sebagai lanjutan kepada usaha PTPTN dalam membantu masyarakat dari pelbagai aspek terutamanya berkenaan perihal pendidikan. Antaranya dengan meneroka kaedah alternatif yang bersesuaian sebagai sumber pembiayaan terutama kepada golongan yang memerlukan. PTPTN juga komited memastikan generasi akan datang dapat menikmati bantuan pembiayaan PTPTN dengan melaksanakan pelbagai strategi memperkasakan bayaran balik pinjaman di kalangan peminjam PTPTN.

10. Selaras dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12, PTPTN juga mempunyai perancangan untuk tempoh lima (5) tahun melalui Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 yang menggariskan perancangan dasar dan halatuju PTPTN. Lima Teras Strategik telah dikenal pasti bagi memastikan visi, misi, dan objektif PTPTN dapat direalisasikan. Untuk itu, setiap perancangan serta pelaksanaan dasar dan polisi PTPTN pada masa hadapan (tahun 2023 dan seterusnya) adalah akan berpaksikan lima (5) Teras Strategik yang telah dikenalpasti.

11. PTPTN terus komited memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dengan pentadbiran cemerlang Pengurusan PTPTN dan komitmen seluruh warga kerja PTPTN dengan kerjasama rakan strategik serta pihak-pihak berkepentingan. Usaha ini untuk memastikan masyarakat Malaysia memperoleh manfaat yang sewajarnya bagi merealisasikan matlamat melahirkan generasi berpendidikan.

Dr. Apli bin Yusoff
Pengerusi
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

31 Disember 2022